

## Langkah rujuk tender British

# Tindakan Kerajaan disokong

**JOHOR BAHRU, Selasa.**— Dewan Perniagaan Melayu Johor (DPMJ) menyokong langkah Kerajaan Malaysia memastikan semua tender firma-firma British untuk projek-projek pembangunan di semua kementerian, jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun Kerajaan dirujuk kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat kelulusan.

Naib Yang Dipertua DPMJ, Encik Daud Taha hari ini berkata, tindakan Kerajaan ini adalah wajar dan kena pada tempatnya.

Awal bulan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua kementerian, jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun Kerajaan merujuk tawaran tender firma-firma British kepada Jabatan Perdana Menteri.

Selain dari itu mereka juga diarah menghantar bersama tender firma pilihan kedua yang bukan firma British.

Encik Daud Taha berkata, Malaysia sudah lama merdeka dan tidak perlu bergantung kepada firma-firma British untuk pembangunan negara ini.

Menurut beliau, negara-negara lain terutamanya jiran kita ada yang mempunyai kepakaran setanding dengan firma-firma British, mungkin lebih tinggi lagi ke pakarannya, misalnya negara Jepun.

Katanya, banyak kebaikan jika Malaysia tidak "berkiblatkan"

firma-firma British untuk projek pembangunan. Antaranya, firma-firma British ini tidak boleh "menarik harga" mengikut kemahuan sendiri kerana Malaysia mempunyai banyak pilihan lain.

Ini juga, tegas beliau, mengakibatkan persaingan sihat dalam penganugerahan tender kerana lebih ramai firma-firma negara asing bersaing untuk mendapatkan tender Kerajaan Malaysia.

Jadi hanya firma-firma yang berprestasi baik dan boleh menjayakan projeknya dengan berkesan sahaja yang akan ditawarkan tender Kerajaan Malaysia dan ini menguntungkan Kerajaan dan mengurangkan risiko kegagalannya.

## Dapat keutamaan

Ini juga, kata Encik Daud, akan menggalakkan firma-firma tempatan turut bertanding merebut tender Kerajaan kerana sekarang Kerajaan telah membuka "pintu" kepada mereka.

Sebelum ini, kata beliau lagi, firma-firma British selalunya mendapat keutamaan dan ini tidak adil kerana firma-firma dari negara lain dan tempatan tidak kurang handal kepakarannya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau sedar beberapa pandangan akan dibuat mengenai dasar baru ini tetapi akan terus melaksanakannya sebagai dasar Kerajaan Malaysia.

Beliau tidak menerangkan sebab mengapa dasar ini dibuat, "terpulanglah kepada mereka membuat kesimpulan sendiri," kata beliau tidak lama dulu.